


## Pesara rugi lebih RM4.3 juta ditipu 'love scam'

Oleh [Asrol Awang](#) - Jun 17, 2022 @ 12:27pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUANTAN: Seorang pesara kerugian lebih RM4.3 juta akibat terpedaya dengan sindiket 'love scam' selepas berkenalan dengan seorang lelaki kononnya warganegara Amerika Syarikat (AS) menerusi laman Facebook pada Jun tahun lalu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Ramli Mohamed Yoosuf, berkata wanita berusia 66 tahun itu dikatakan membantu suspek yang dikatakan bekerja sebagai ahli kaji bumi di sebuah syarikat cari gali minyak.

Katanya, berdasarkan laporan, mangsa berkenalan dengan suspek yang dikatakan menetap di AS antara 2 Disember 2021 hingga 31 Mei lalu.

"Mangsa diperdaya suspek bersama dua lagi rakan suspek dengan pelbagai alasan termasuk membantu suspek menjelaskan hutang, pembayaran kontrak kerja, upah pekerjaan dan kos perubatan.

"Ia termasuk kos pembayaran peguam urusan harta warisan bapa suspek yang dikatakan mati akibat tekanan masalah hutang dan membuat pindahan wang sebanyak 190 kali transaksi ke dalam pelbagai akaun bank diberikan suspek dengan jumlah kerugian lebih RM4.3 juta," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, laporan polis hanya dibuat kelmarin selepas menyedari ditipu sindiket terbabit.

Sementara itu, Ramli berkata, seorang peniaga berumur 38 tahun kerugian RM1.5 juta selepas terpedaya dengan tawaran pelaburan penanaman pokok buah-buahan seluas 30 hektar.

Katanya, buah-buahan itu dikatakan boleh diproses menghasilkan minyak untuk kegunaan bahan api kapal terbang.

"Mangsa dijanjikan memperoleh keuntungan tiga kali ganda daripada modal pelaburan dalam jangka tiga tahun.

"Mangsa bersetuju dan dapat mencari pelabur dari Kemboja dengan wang pelaburan dikumpulkan sebanyak RM1.5 juta yang dimasukkan ke akaun mangsa.

"Mangsa kemudian memindahkan wang itu ke akaun bank suspek dengan tiga transaksi secara dalam talian berjumlah RM1.5 juta.

"Semua transaksi dilakukan pada Jun 2015. Bagaimanapun, selepas hampir tiga tahun, mangsa cuba bertanya suspek mengenai perkembangan pelaburan itu tetapi panggilan telefon disekat.

"Usaha mengesan suspek juga gagal. Mangsa berasa diperdaya dan ditipu dengan pelaburan yang tidak wujud dan membuat laporan polis," katanya.

Susulan itu, Ramli berkata, pihaknya menasihati orang ramai jangan mudah terpedaya dengan pujuk rayu melalui media sosial kerana pelaku jenayah menggunakan pelbagai muslihat untuk memujuk dan memperdaya mangsa sehingga semua wang dipindahkan ke akaun suspek.